

MEMORANDUM

Daripada : Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Kepada : Pengarah, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.
[U.P. : PELITA BRUNEI]

Tarikh : 19 Rabiulakhir 1446H
23 Oktober 2024M

Ruj. Kami: (08) JPE / AMSF-UKPP / MEMO-2024

Ruj Tuan:

Tuan,

PERKARA : PEMBERITAHUAN JUALAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI PERALATAN / PERKAKAS JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK YANG TELAH DIBENARKAN UNTUK DIHAPUSKAN DARI KIRA-KIRA

Dengan hormatnya sukacita dihadapkan bagi perkara di atas.

Sehubungan itu, dipohonkan kerjasama pihak Tuan supaya dapat menyiarkan pemberitahuan jualan lelong ke dalam akhbar tempatan '**PELITA BRUNEI**' selama dua (02) minggu berturut-turut bagi keterangan seperti berikut :-


Bil.	Keterangan	Tarikh Iklan
01	Tajuk Tawaran : 1 LOT EMPTY CABLE DRUM Bilangan Tawaran : JPE / AMSF / AUC / 01 / 24	Tarikh Dibukakan : Isnin, 04 November 2024 Tarikh Tutup : Sabtu, 16 November 2024 Jam 3.00 petang

Bersama ini disertakan Notis Tawaran Jualan Lelong Secara Sebut Harga dan keterangan mengenainya untuk dimasukkan ke dalam akhbar tempatan.

Di atas kerjasama dan tindakan pihak Tuan itu nanti pihak Jabatan ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, wassalam.

'Tiada Kesihatan Tanpa Kesihatan Mental'
'Hargai Tenaga Kitani'



[**DAYANG FATMA BINTI HAJI JULAIHI**]

b.p Pemangku Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri

s.k.

- o Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan Elektrik (melalui emel)
- o Timbalan Pengarah Teras, JPE (melalui emel)
- o Fail UKPP


HHHR/HSOHO/PMAR/SAHA



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

✉ www.des.gov.bn

✉ ukpp.gov.bn

☎ 2387000 sambungan 3551

NOTIS TAWARAN JUALAN LELONG SECARA SEBUT HARGA

JPE / AMSF / AUC / 01 / 24

1 LOT EMPTY CABLE DRUM

DOKUMEN TAWARAN	PENYERAHAN DOKUMEN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN
Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas. ☎ 2387000 sambungan 216 – pengambilan borang tawaran 3551 – Tempahan Jadual Lawatan Pada hari dan waktu bekerja Hari Isnin – Khamis & Sabtu 8.00 – 11.30 (sebelah pagi) 1.30 – 3.00 (sebelah petang) HARGA BORANG BND \$10.00 TARIKH DIBUKAKAN ISNIN, 04 NOVEMBER 2024	Peti Tawaran Lobi, Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan, Stor Utama Gadong, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jalan Pengiran Babu Raja TARIKH TUTUP SABTU, 16 NOVEMBER 2024 JAM 3.00 PETANG	Pada hari dan waktu bekerja Hari Isnin – Khamis & Sabtu 9.00 – 11.00 sebelah PAGI sahaja Bertempat Sub-Stor Pasir Putih Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Tanjong Maya.

SYARAT-SYARAT TAWARAN :-

1. Tawaran dibukakan kepada syarikat swasta dan orang awam.
2. Barang yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.
3. Caj borang tawaran jualan lelong secara sebut harga akan dikenakan dengan harga \$10.00 (Tidak Dikembalikan).
4. Penender yang berminat untuk mengikuti tawaran ini bolehlah membuat pembayaran terlebih dahulu di Kaunter Pembayaran di Aras Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan borang boleh diambil di Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas.
5. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar ke Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan, Stor Utama Gadong, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jalan Pengiran Babu Raja dalam sampul surat yang tertutup dengan membubuh tajuk "TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK" dan memasukkan ke dalam peti tawaran yang telah disediakan.
6. Tarikh tutup tawaran adalah pada (Hari SABTU, 16 NOVEMBER 2024, Jam 3.00 petang) dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
7. Penender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dengan WANG TUNAI SAHAJA (Tidak Dikembalikan) dalam tempoh masa 07 (TUJUH) hari waktu bekerja selepas dimaklumkan/pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya maka tawaran ini dengan sendirinya dibatalkan. Jabatan ini tidak menerima pembayaran secara cek ataupun kad kredit.
8. Penender yang berjaya hendaklah MEMINDAHKAN barang tersebut tidak lewat 28 (DUA PULUH LAPAN HARI) hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran dan pihak Jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan/kehilangan dalam tempoh tersebut. Jika Penender yang berjaya GAGAL MEMINDAHKAN peralatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan selepas membuat pembayaran, barang berkenaan akan menjadi MILIK Jabatan dan Jabatan berhak untuk melelong semula barang berkenaan.
9. Hanya penender yang berjaya sahaja akan dimaklumkan / pemberitahuan.
10. Penender yang berminat untuk mengikuti tawaran ini adalah disarankan untuk membuat lawatan bagi pemeriksaan dan penelitian keadaan barang yang ditawarkan. Pihak Penender bolehlah menghubungi Jabatan melalui telefon 2387000 No. sambungan 3551.